

## **PERKEMBANGAN KOGNISI DALAM KANAK-KANAK PRASEKOLAH MELALUI TEKNIK BERMAIN**

*Cognitive Development among Preschool Children Using Play Technique*

Suppiah Nachiappan<sup>1</sup>, Rachel Mildred Edward Munovah<sup>2</sup>, Norazilawati Abdullah<sup>3</sup>, Sandra Suffian<sup>4</sup>

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim, Perak.

suppiah@fppm.upsi.edu.my<sup>1</sup>, ray\_mildred@yahoo.com<sup>2</sup>, nora@fppm.upsi.edu.my<sup>3</sup>, sandrasuffian@gmail.com<sup>4</sup>

### **ABSTRAK**

Kajian ini adalah tentang kepentingan teknik bermain dalam pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak prasekolah, cara guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran melalui teknik bermain, respons murid terhadap teknik bermain dan kesan positif teknik bermain terhadap perkembangan kognisi kanak-kanak prasekolah. Sampel kajian melibatkan lapan orang guru prasekolah di sekolah swasta dan kerajaan di Ipoh. Kaedah kajian ini menggunakan soal selidik dan jawapan responden ditulis oleh pengkaji sebagai data serta ditranskripsikan menjadi teks kajian. Teks kajian ini seterusnya dianalisis dengan menggunakan Kaedah Hermeneutik. Kajian ini menunjukkan kepentingan teknik bermain dalam perkembangan kognisi kanak-kanak prasekolah serta kesan positif teknik bermain dalam perkembangan kognisi kanak-kanak prasekolah. Implikasi kajian kepada guru ialah mempelbagaikan aktiviti bermain, menggunakan teknologi dalam aktiviti bermain dan memberi perhatian terhadap perkembangan murid.

**Kata kunci:** perkembangan kognisi, kanak-kanak prasekolah, teknik bermain

### **ABSTRACT**

*This study examines the importance of play technique in teaching and learning preschool children, ways teachers conduct the teaching and learning through play technique, students' response to the play technique and positive effects of play technique on the development of cognition among preschoolers. The study sample involved eight preschool teachers in private and government schools in Ipoh. This study used questionnaires and responses which were written by researcher as well as the data are transcribed into text study. The text of this study further analyzed using the Hermeneutics Method. This study shows the importance of play technique in the development of cognition of preschool children as well as positive effects of play technique on cognitive development among preschoolers. The implications of the study for teachers are diversified play activities, using technology in play activities and pay attention to the development of students.*

**Keywords:** cognitive development, preschool children, play technique.

### **PENGENALAN**

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mula melaksanakan program pendidikan prasekolah pada tahun 1992 sebagai projek rintis berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 18 Disember 1991 yang telah bersetuju mewujudkan sebanyak 1,131 buah kelas prasekolah. Sementara itu,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Jun 2001 telah bersetuju supaya KPM meneruskan program peluasan prasekolah mulai tahun 2002. Sejak daripada itu peluasan prasekolah telah dijalankan dari semasa ke semasa mengikut dasar sedia ada, NKRA Pendidikan dan juga cadangan peluasan dalam RM Ke-10.

Di antara prinsip-prinsip asas dasar pendidikan prasekolah ialah menyediakan kemudahan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak yang berumur antara 4 dan 6 tahun. Memastikan penggunaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Guru-guru prasekolah hendaklah mempunyai latihan dalam bidang pendidikan prasekolah. Memastikan kemudahan fizikal dan peralatan bersesuaian dan berkualiti dibekalkan. Satu mekanisma naziran dan penyeliaan dijalankan. Kerajaan juga memastikan semua institusi pendidikan prasekolah mematuhi peraturan-peraturan Pendidikan Prasekolah 1996 seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 24, Akta Pendidikan 1996.

Sekolah merupakan platform kepada kanak-kanak bagi meningkatkan interaksi sosial. Oleh yang demikian, aspek kognisi menjadi fokus penting dalam pendidikan formal di sekolah. Menurut Suppiah Nachiappan (2015), perkembangan kognisi merujuk kepada perubahan dalam proses dan kemahiran mental mengikut kematangan fisiologi dan pengalaman yang dialami sejak kecil lagi. Perubahan-perubahan ini berkait rapat dengan interaksi antara genetik dan persekitaran. Kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun berada pada peringkat tahap praoperasi. Dalam tahap ini, mereka memerlukan pengalaman yang berterusan serta penglibatan secara langsung bagi membantu proses perkembangan kognisi, bahasa, sosial dan fizikal mereka.

Terdapat empat jenis permainan seperti yang dinyatakan oleh Nor Hashimah Hashim dan Yahya Che Lah (2003), iaitu permainan *solitary*, *parallel*, *associative* dan *cooperative* yang setiap satunya mempunyai aktiviti tersendiri yang perlu dipelbagaikan oleh guru dalam memperkembangkan dimensi perkembangan kanak-kanak prasekolah.

Kanak-kanak juga akan belajar dan meneroka melalui aktiviti bermain kerana imaginasi mereka adalah tinggi. Oleh itu, kanak-kanak harus diberikan kebebasan dan hak untuk bermain oleh ibu bapa, guru dan pengusaha Tadika atau Taska. Pembelajaran melalui kaedah bermain merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan kepada kanak-kanak. Kaedah ini akan mewujudkan keseronokan dan kepuasan kepada mereka dalam sesuatu pengajaran. Kanak-kanak akan dapat menguasai pelbagai perkembangan seperti perkembangan dari segi fizikal, emosi, bahasa dan sosial melalui kaedah ini.

Secara umumnya, terdapat dua kategori teknik permainan yang digunakan secara meluas di prasekolah, iaitu bermain secara kognisi dan secara sosial (Henniger, 2009).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan mengkaji perkembangan kognisi kanak-kanak prasekolah melalui teknik bermain. Objektif kajian yang akan dijalankan adalah bertujuan:

- i) untuk mengenal pasti kepentingan teknik bermain terhadap perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

- ii) untuk mengenal pasti bagaimana guru dapat menjalankan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teknik bermain.
- iii) untuk mengenal pasti respons murid terhadap teknik bermain semasa guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran.
- iv) untuk mengenal pasti bagaimana teknik bermain memberi kesan positif terhadap perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

### **Soalan Kajian**

- i) Apakah kepentingan teknik bermain dalam perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah?
- ii) Bagaimanakah guru dapat menjalankan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teknik bermain?
- iii) Bagaimanakah murid memberi respons terhadap teknik bermain semasa guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran?
- iv) Bagaimanakah teknik bermain memberi kesan positif terhadap perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah?

### **Sorotan kajian**

Terdapat banyak kajian mengenai perkembangan kognisi kanak-kanak prasekolah dilakukan oleh pengkaji di negara ini. Antaranya ialah Zakiah, Yeo dan Azlina (2013). Dalam kajian mereka pelaksanaan main secara berkumpulan di prasekolah meningkatkan perkembangan sosial dan juga boleh meningkatkan perkembangan kognitif. Kamii (1985) yang menerangkan bahawa aktiviti bermain lebih baik berbanding pengajaran melalui penggunaan latih tubi dan lembaran kerja yang diberikan kepada kanak-kanak.

Menurut Nor A'ini (2010), pendekatan belajar melalui bermain adalah penting untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengenal abjad A hingga Z dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Proses mengenal dan menguasai abjad A hingga Z amatlah penting bagi awal persekolahan seseorang murid. Namun, sehingga kini terdapat segelintir murid yang memasuki Tahun 1 masih gagal menguasai kemahiran ini.

Kajian Sharifah Nor Puteh dan Aliza Ali (2012) sememangnya membantu guru prasekolah dalam memberi kesedaran dan keyakinan tentang kepentingan proses pembelajaran dan pengajaran berasaskan aktiviti bermain untuk mencungkil minat dan motivasi kanak-kanak untuk dalam perkembangan praliterasi. Menurut Morrison et al. (2011), bahan pengajaran dan pembelajaran yang baik bukan sekadar berkesan, tetapi menarik dan memotivasikan murid untuk terus terlibat dengan pembelajaran.

Kanak-kanak bukan sahaja bermain dengan bahan, mereka juga bermain dengan perasaan, maksud, idea dan hubungan, kemudian mengubah aspek-aspek ini melalui pemikiran dalam bentuk lukisan (Wood (2013). Bermain merupakan media untuk kanak-kanak mencorakkan perasaan mereka, meneroka hubungan, menceritakan pengalaman, menyatakan keinginan dan

segala yang terpendam dalam diri mereka selain mampu membantu kanak-kanak dalam membina kecekapan yang boleh menambah rasa yakin dan membina kekuatan jati diri yang mungkin akan digunakan untuk menempuh cabaran pada masa akan datang (Asmawati, Sharifah & Zakiah, 2009).

Berdasarkan sorotan kajian ini, jelaslah bahawa ramai pendidik sangat prihatin terhadap perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Walau bagaimanapun, pihak yang berkaitan haruslah mengambil inisiatif untuk meningkatkan perkembangan kognisi kanak-kanak prasekolah.

## **Perancangan dan pelaksanaan tindakan**

### **Reka Bentuk Kajian**


Mengikut Rickman (1967), apa sahaja bentuk yang melahirkan ekspresi perasaan dan pemikiran manusia boleh dianggap sebagai teks yang boleh dianalisis dan diinterpretasikan dalam konteks Hermeneutik. Menurut Suppiah (2016), Hermeneutik membolehkan pengkaji membuat interpretasi berdasarkan teori dan pengetahuan pengkaji dalam memahami teks responden yang abstrak. Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif yang menggunakan analisis Hermeneutik. Analisis Hermeneutik merupakan kaedah kualitatif yang menekankan aspek keunikan dan kelainan dalam sesuatu kajian penyelidikan. Analisis Hermeneutik melihat setiap individu sebagai seorang yang unik dan mempunyai ciri-ciri, iaitu mempunyai emosi, pemikiran dan tingkah laku yang tersendiri.

Pengkaji menggunakan soal selidik yang mempunyai sepuluh soalan terbuka yang merangkumi prestasi, penglibatan dan minat murid. Soal selidik ini akan digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang responden, bagaimana teknik bermain dapat membantu dalam perkembangan kognisi kanak-kanak prasekolah di dalam sesebuah kelas dan sama ada teknik bermain memberi kesan terhadap perkembangan kognisi kanak-kanak.

## **KAEDAH KAJIAN**

Mengikut kaedah Hermeneutik, teks mempunyai kandungan tersurat dan tersirat yang boleh diinterpretasi. Ia mencerminkan ciri sosial, budaya, pengalaman lampau dan masa kini, perasaan serta pengetahuan yang ada pada penulis yang menganalisis teks. Metateks pula ialah hasil interpretasi yang dibuat terhadap teks yang mengandungi penjelasan terhadap apa yang diselidiki.

Loganathan (1992) menggunakan istilah ontoenigma untuk menggambarkan keadaan minda penyelidik semasa berdepan dengan isi teks yang dikajinya. Suatu teks dilihat (dibaca) melalui struktur luaran (tersurat). Seterusnya penyelidik akan menyelami makna melalui ayat-ayat yang dibaca untuk mencungkil makna yang tersirat dalam struktur dalaman. Proses menghubungkan struktur luaran dan struktur dalaman ini dikenali sebagai ontopretasi (Loganathan 1992; 1996).



**Rajah 1:** Proses Ontopretasi (Suppiah, 2003)

Oleh itu, dalam kajian ini sebanyak empat soalan terbuka dikemukakan kepada responden supaya mereka bebas menjawab dengan memberikan pandangan mereka dan ini akan membantu pengkaji menginterpretasikan data.

## DAPATAN KAJIAN

**Jadual 1:** Kepentingan teknik bermain dalam perkembangan kognisi kanak-kanak prasekolah

| Bil | Kepentingan teknik bermain dalam perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah | Kepentingan teknik bermain dalam perkembangan kognisi kanak-kanak prasekolah yang dikaji (Jawapan Responden) |    |    |    |    |    |    |    | Jumlah |
|-----|---|--|----|----|----|----|----|----|----|--------|
|     |   | R1   | R2 | R3 | R4 | R5 | R6 | R7 | R8 |        |
| 1   | Membantu perkembangan fizikal   | /  | /  |    |    |    |    |    | /  | 3      |
| 2   | Membantu perkembangan psikomotor  | /  |    |    |    |    | /  |    | /  | 3      |
| 3.  | Membantu perkembangan afektif dan emosi   | /  |    | /  |    |    |    |    | /  | 3      |
| 4.  | Membantu perkembangan kognitif  | /  | /  |    | /  |    |    |    |    | 3      |
| 5.  | Meningkatkan kemesraan di antara kanak-kanak  |  | /  |    |    |    |    | /  |    | 2      |
| 6.  | Merangsang deria kanak-kanak  |  | /  |    |    |    |    | /  |    | 2      |
| 7.  | Meningkatkan kreativiti dan inovasi   |  |    |    |    | /  |    |    | /  | 2      |
| 8.  | Kanak-kanak dapat mempelajari banyak perkara  |  |    | /  |    |    |    |    |    | 1      |
| 9.  | Dapat meneroka persekitaran   |  |    |    |    | /  |    |    |    | 1      |
| 10. | Membangkitkan potensi diri kanak-kanak  | /  |    |    |    |    |    |    |    | 1      |
| 11. | Menguasai bahasa dari segi perbendaharaan kata dan tatabahasa                               |  |    |    |    |    |    |    | /  | 1      |

Menurut Jadual 1, terdapat sebelas kepentingan teknik bermain dalam perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah, menurut guru-guru prasekolah yang menjadi responden. Penyelidik mendapati bahawa kebanyakan guru menyatakan bahawa teknik bermain penting untuk membantu perkembangan fizikal, psikomotor, afeksi dan emosi serta kognitif.

Selain daripada itu, dua daripada lapan orang guru menyatakan teknik bermain penting untuk meningkatkan kemesraan di antara kanak-kanak, merangsang deria kanak-kanak dan meningkatkan kreativiti dan inovasi. Akhir sekali, seorang daripada lapan responden menyatakan secara umum bahawa kanak-kanak dapat mempelajari banyak perkara, dapat meneroka persekitaran, membangkitkan potensi diri kanak-kanak dan menguasai bahasa dari segi perbendaharaan kata dan tatabahasa.

**Jadual 2:** Cara-cara guru dapat menjalankan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teknik bermain

| Bil | Bagaimana guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran                        | Cara-cara guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teknik bermain (Jawapan Responden) |    |    |    |    |    |    |    | Jumlah |
|-----|---|---|----|----|----|----|----|----|----|--------|
|     |   | R1  | R2 | R3 | R4 | R5 | R6 | R7 | R8 |        |
| 1   | Bermain bongkah untuk mengenal huruf dan nombor                               | /   |    |    |    |    | /  | /  | /  | 4      |
| 2   | Bermain pasir untuk mengenal sifat semulajadi                                 | /   |    |    |    |    | /  |    | /  | 3      |
| 3   | Bermain doh/tanah liat untuk merangsang kreativiti                            |   |    | /  |    |    |    | /  | /  | 3      |
| 4.  | Bermain memegang watak untuk menstimulasi situasi dalam kehidupan sebenar     | /   |    |    |    | /  |    |    |    | 2      |
| 5.  | Bermain untuk mengikut peraturan dan berdisiplin                              |   | /  |    | /  |    |    |    |    | 2      |
| 6.  | Bermain wang kertas/syiling untuk mengenal nilai wang                         |   |    |    |    | /  |    |    |    | 1      |
| 7.  | Bermain untuk menggalakkan semangat kerjasama, berkongsi dan memupuk literasi |   |    |    |    | /  |    |    |    | 1      |

Menurut Jadual 2, terdapat tujuh cara yang digunakan oleh guru untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teknik bermain. Penyelidik mendapati bahawa empat daripada lapan orang responden menggunakan bongkah untuk mengajar kanak-kanak prasekolah mengenal huruf dan nombor.

Selain itu, terdapat tiga orang responden yang menggunakan pasir untuk mengajar kanak-kanak mengenal sifat semula jadi dan menggunakan doh atau tanah liat untuk merangsang kreativiti kanak-kanak. Terdapat dua orang responden yang menggunakan teknik bermain memegang watak untuk menstimulasikan situasi dalam kehidupan sebenar dan mengajar kanak-kanak mengikut peraturan dan berdisiplin ketika bermain.

Hanya seorang responden menggunakan wang kertas dan syiling untuk mengajar nilai wang dan seorang responden menggunakan teknik bermain secara menyeluruh untuk menggalakkan semangat kerjasama, berkongsi permainan dan memupuk literasi di antara satu sama lain.

**Jadual 3:** Respons murid terhadap teknik bermain semasa guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran

| Bil | Cara-cara murid memberi respons terhadap teknik bermain semasa guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran | Cara-cara murid memberi respons terhadap teknik bermain semasa guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran (Jawapan Responden) |    |    |    |    |    |    |    | Jumlah |
|-----|---|---|----|----|----|----|----|----|----|--------|
|     |   | R1  | R2 | R3 | R4 | R5 | R6 | R7 | R8 |        |
| 1   | Murid berasa seronok dan gembira  | /   | /  |    | /  | /  | /  | /  | /  | 6      |
| 2   | Murid menumpukan perhatian sepenuhnya   | /   |    | /  |    |    | /  | /  | /  | 5      |
| 3   | Murid bertanya dan berinteraksi dengan guru   |   | /  |    |    |    |    |    | /  | 2      |
| 4   | Murid memahami dengan lebih cepat   | /   |    |    |    |    |    |    |    | 1      |
| 5   | Murid bercerita tentang aktiviti yang telah mereka ikuti  |   | /  |    |    |    |    |    |    | 1      |
| 6   | Murid aktif ketika bermain  |   |    |    | /  |    |    |    |    | 1      |
| 7   | Murid menggunakan bahan-bahan dan alat mainan yang disediakan dengan baik                                   |   |    |    |    | /  |    |    |    | 1      |
| 8   | Murid cuba mengikut cara guru dan mengulangi apa yang guru tunjukkan  |   |    |    |    |    |    | /  |    | 1      |
| 9   | Murid memberi respons yang positif  |   |    | /  |    |    |    |    |    | 1      |

Menurut Jadual 3, terdapat sembilan perkara yang menunjukkan bagaimana murid memberi respons terhadap teknik bermain semasa guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Penyelidik mendapati bahawa kebanyakan murid seronok dan gembira ketika bermain. Enam daripada lapan orang guru menyatakan perkara yang sama.

Selain itu, lima orang responden menyatakan bahawa murid menumpukan sepenuh perhatian terhadap teknik bermain semasa guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Dua orang responden menyatakan bahawa murid menunjukkan respon dengan bertanya dan berinteraksi dengan guru semasa guru menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran melalui teknik bermain.

Penyelidik mendapati bahawa murid memberi pelbagai jenis respons yang baik terhadap teknik bermain semasa guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran seperti murid memahami dengan lebih cepat apa yang diajar oleh guru, murid bercerita tentang aktiviti yang diikuti, murid nampak aktif ketika bermain, murid menggunakan bahan-bahan dan alat mainan yang disediakan dengan baik, murid mengikut cara guru dan mengulangi apa yang guru tunjukkan dan seorang responden menyatakan secara menyeluruh bahawa murid memberikan respons yang positif.

**Jadual 4:** Kesan positif teknik bermain terhadap perkembangan kognisi dalam kanak-kanak prasekolah

| Bil | Kesan positif teknik bermain terhadap perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah | Bagaimanakah teknik bermain memberi kesan positif terhadap perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah?<br>(Jawapan Responden) |    |    |    |    |    |    |    | Jumlah |
|-----|--|---|----|----|----|----|----|----|----|--------|
|     |  | R1  | R2 | R3 | R4 | R5 | R6 | R7 | R8 |        |
| 1   | Kanak-kanak berfikir secara kreatif dan kritis   | /   | /  |    | /  |    | /  | /  |    | 5      |
| 2   | Meningkatkan kemahiran motor halus dan motor kasar   |   |    | /  |    |    | /  | /  |    | 3      |
| 3   | Menambah baik perolehan bahasa/komunikasi  |   |    | /  |    |    | /  | /  |    | 3      |
| 4   | Memberi kekuatan fizikal/badan sihat/tangkas   | /   |    |    |    |    |    |    | /  | 2      |
| 5   | Cepat memahami/mengingati apa yang dipelajari  | /   | /  |    |    |    |    |    |    | 2      |
| 6   | Kebolehan menyelesaikan masalah/konflik  | /   |    |    |    |    |    |    |    | 1      |
| 7   | Dapat belajar secara kumpulan  |   | /  |    |    |    |    |    |    | 1      |
| 8   | Belajar membezakan, membanding dan mengkategorikan   |   |    |    | /  |    |    |    |    | 1      |
| 9   | Dapat mencungkil bakat   |   |    |    |    | /  |    |    |    | 1      |
| 10  | Belajar kepentingan berkongsi alat mainan  |   |    |    |    |    |    | /  |    | 1      |
| 11  | Merangsang kebolehan kognisi dan perasaan ingin tahu   |   |    |    |    |    |    | /  |    | 1      |
| 12  | Membantu perkembangan sahsiah, daya cipta, emosi, sosial dan intelek                             |   |    |    |    |    |    |    | /  | 1      |

Menurut Jadual 4, terdapat dua belas kesan positif teknik bermain terhadap perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Penyelidik mendapati bahawa kesan yang ketara adalah kebolehan kanak-kanak prasekolah berfikir secara kreatif dan kritis. Kesan positif yang seterusnya ialah kaedah bermain dapat meningkatkan motor halus dan motor kasar dalam diri kanak-kanak prasekolah dan membantu menambah baik perolehan bahasa serta kebolehan komunikasi antara kanak-kanak.



Penyelidik juga mendapati kesan-kesan positif yang lain dan menurut responden adalah kebolehan menyelesaikan masalah atau konflik, dapat belajar secara kumpulan, belajar membezakan, membanding dan mengkategorikan, dapat mencungkil bakat kanak-kanak, belajar kepentingan berkongsi alat mainan, merangsang kebolehan kognisi dan perasaan ingin tahu, membantu perkembangan sahsiah, daya cipta, emosi, sosial dan intelek.

### **Perbincangan dan implikasi kajian**

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, didapati terdapat pelbagai kepentingan teknik bermain dalam perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Guru-guru juga menyatakan cara mereka menjalankan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teknik bermain dan menyatakan bagaimana murid memberi respons terhadap teknik ini semasa guru sedang menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya, guru-guru telah mengenal pasti pelbagai kesan positif teknik bermain terhadap perkembangan kognisi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Murid dapat menambah baik peralihan bahasa dan komunikasi melalui teknik bermain. Hal ini adalah kerana guru menjadi model untuk kanak-kanak berfikir secara fleksibel dan berkomunikasi dalam lingkungan mereka. Setiap kanak-kanak pasti mempunyai latar belakang yang berlainan dan menggunakan bahasa yang berlainan di rumah. Apabila mereka berada di sekolah mereka menggunakan bahasa yang sama, iaitu Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Menurut Garvey (1990), perkembangan bahasa dan literasi dibina apabila kanak-kanak bermain dengan bunyi tertentu, mempelajari sistem linguistik dan bermain dengan perkataan dan ritma perkataan.

### **CADANGAN**

Terdapat beberapa kajian sebelum ini yang telah dilakukan di dalam dan di luar negara mengenai teknik bermain dalam perkembangan kognisi kanak-kanak prasekolah. Kajian-kajian tersebut memperlihatkan kepentingan teknik bermain dalam perkembangan kognisi kanak-kanak prasekolah yang berumur 4 hingga 6 tahun. Oleh itu, perkembangan kognitif kanak-kanak akan mempengaruhi tahap penguasaan ilmu pengetahuan serta memberi kesan kepada pencapaian murid prasekolah di sekolah. Guru-guru prasekolah mempunyai tanggungjawab utama dalam pendidikan kanak-kanak prasekolah kerana banyak perkara dipelajari oleh kanak-kanak di sekolah. Guru perlu merancang pelbagai aktiviti secara teratur. Guru perlu mengubah tingkah laku dan memberi tindak balas yang bersesuaian dengan aktiviti kanak-kanak di dalam kelas. Guru tidak harus mengarah kanak-kanak untuk menyertai sesuatu aktiviti, malah membimbing mereka untuk menyedari keseronokan aktiviti tersebut. Guru harus membantu murid memulakan, menamatkan atau memulakan semula sesuatu aktiviti.

Di samping itu, ibu bapa juga boleh dilibatkan sama di mana-mana situasi yang difikirkan perlu supaya mereka memahami kaedah pengajaran yang digunakan di prasekolah memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan kognisi anak mereka dan mereka boleh melakukan perkara yang sama di rumah.

Pada zaman sekarang, teknologi telah menjadi keperluan setiap insan dalam kehidupan. Selain menggunakan peralatan tradisional ketika melakukan aktiviti bermain, guru juga boleh menggunakan ICT atau peralatan elektronik supaya mereka mendapat manfaat daripada penggunaan peralatan elektronik.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, teknik bermain banyak memberikan kepentingan dan kesan positif terhadap perkembangan kognisi kanak-kanak. Kanak-kanak bukan sahaja bergembira dan berseronok ketika melakukan aktiviti bermain, malah mereka juga mempelajari banyak perkara dan dapat membantu perkembangan fizikal, mental dan emosi kanak-kanak. Guru-guru harus lebih peka terhadap kepentingan teknik bermain sewaktu menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru juga harus memainkan peranan dengan menerangkan kepentingan bermain kepada ibu bapa, keluarga dan masyarakat kerana kebanyakan ibu bapa tidak memahami konsep bermain dan kepentingan bermain kepada proses perkembangan kanak-kanak.

## **RUJUKAN**

- Asmawati Hamzah, Sharifah Norhaidah Syed Idrus & Zakiah Mohamad Ashari. (2009). Peranan aktiviti bermain dalam merangsang dimensi perkembangan kognitif kanak-kanak prasekolah. *Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 9(2), 80-88.
- Garvey, C. (1990). *Play*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Henniger, M. L. (2009). *Teaching young children*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson.
- Kamii, C. K. (1985). *Young children reinvent arithmetic: Implication of Piaget's theory*. New York: Teachers College Press.
- Loganathan, K. (1992). *Hermeneutic Analysis of Discourse*. International School of Dravidian Linguistics, India.
- Loganathan, K. (1996). *Metaphysica Universalis of Meykandar*. World Saiva Council of Meykandar Adheenam, London.
- Morrison, G.R., Ross, S.M., Kempt, J.E., & Kalman, H.K. (2011). *Designing effective instruction*. New York: John, Wiley & Sons.
- Nor A'ini Hashim. (2010). *Penggunaan pendekatan belajar melalui bermain untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengenal abjad A hingga Z di kalangan kanak-kanak prasekolah*. Kuala Lumpur: Open University (Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan).
- Nor Hashimah Hashim & Yahya Che Lah. (2003). *Panduan Pendidikan Prasekolah*. Bentong: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Rickman, H. P. (1967). *Understanding and the Human Studies*. London: Heinemann Education Books Ltd.
- Suppiah, N. (2003). *Proses kognitif dalam penulisan esei melalui analisis hermeneutik*. Minden: Universiti Sains Malaysia (Tesis PhD yang tidak diterbitkan).
- Suppiah Nachiappan. (2015). *Panduan Pendidikan Awal Kanak-Kanak: Teori, Model, Kaedah dan Aktiviti ke Arah Perkembangan Kognisi*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Suppiah Nachiappan. (2016). *Kaedah Hermeneutik: Kaedah Interpretasi Teks Secara Kualitatif*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sharifah Nor Puteh & Aliza Ali. (2011). Pendekatan bermain dalam pengajaran bahasa dan literasi bagi pendidikan prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 1-15.
- Wood, E. A. (2013). *Play, Learning and Early Childhood Curriculum*. London: Sage Publication.

Zakiah, M. A., Yeo, K. J. & Azlina, M. K. (2013). *Persepsi dan amalan guru novis terhadap penggunaan pendekatan belajar sambil bermain*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam The International Conference on Early Childhood and Special Education (ICECSE).